

Newspaper	SELANGORKINI
Date	17 FEBRUARY 2017

# Umno dulu bukan sekarang

Selangorkini - 17/2/2017

**KUALA LUMPUR** - Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Umno-Barisan Nasional (BN) pengkhianat kepada bangsa Melayu dan negara.

Katanya, Umno yang sekarang jauh berbeza dengan dahulu dan tidak lagi dijadikan contoh kepada negara lain dalam aspek pembangunan serta pentadbiran.

"Apabila Muhyiddin mengaku Umno-BN membangun dan memajukan Malaysia, maka pembodek pun gembira dengan pengakuan ini.

"Kenyataan ini berkenaan Umno-BN dahulu yang memerdekakan dan membangun Malaysia," katanya dalam kenyataan, pada 10 Februari lalu.

Mahathir berkata, Umno ketika ini lebih dikenali sebagai kleptokrasi pimpinan penyangak dan pencuri yang mem-

beri nama amat buruk kepada Malaysia di seluruh dunia.

"Sesungguhnya, nama baik Umno-BN sudah dicemar sehingga beralih kepada nama dibenci rakyat dan dipandang hina seluruh dunia.

"Penyokong Najib sama ada dibeli atau tidak, tidak kurang daripada mengkhianati bangsa dan negara," katanya.

Sebelum ini, mantan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengakui kejayaan kerajaan pimpinan BN dalam memacu Malaysia menjadi negara membangun dan model negara Islam.

Katanya, pembangunan itu diusahakan parti itu melalui pucuk pimpinan diwarisi dan tidak boleh dinafikan memandangkan Malaysia bermula sebagai negara yang tidak memiliki apa-apa selepas merdeka.